



JAWATAN KOSONG
YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA TERENGGANU

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat Terengganu yang berkelayakan bagi memenuhi jawatan berikut :-

1. **JAWATAN** : **PENOLONG AKAUNTAN**
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **KEWANGAN (W)**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**
- GRED JAWATAN / GAJI** : **W5**
- BILANGAN KEKOSONGAN** : **1 (SATU)**

2. **JADUAL GAJI GRED W5** :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,650.00	RM6,620.00	RM145.00

3. **ELAUN** : Imbuhan Tetap Khidmat Awam : RM 160.00
Imbuhan Tetap Perumahan : RM 300.00

4. **TARAF JAWATAN** : **KONTRAK**

5. **SYARAT LANTIKAN**

Calon-calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Terdiri daripada warganegara Malaysia.
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
- (c)
 - i) Sijil dalam bidang Pengajian Perniagaan atau Penyimpanan Kira yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM1,650.00); atau
 - ii) *Certified Accounting Technician* (CAT) yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada W5: RM1,650.00); atau
 - iii) Diploma Perakaunan atau Diploma dalam bidang Pengajian Perniagaan, Kewangan atau Perbankan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM1,893.00); atau
 - iv) *Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang Kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM2,136.00)

- | | | |
|----|--------------------------------|--|
| 6. | SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. |
| 7. | PENETAPAN GAJI PERMULAAN | Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred W5 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan. |
| 8. | PERGERAKAN GAJI TAHUNAN | Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan. |
| 9. | DESKRIPSI TUGAS | Bertanggungjawab menyemak secara harian resit dan laporan terimaan bagi pungutan di Ibu Pejabat. Menyelia penyediaan baucer bayaran bagi setiap pembayaran. Menyediakan fail pembayaran daripada Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu kedalam sistem Perbankan serta menyemak bayaran yang dibuat. Memastikan semua baucer bayaran berada dalam keadaan teratur dan kemas serta direkod dalam Penyata Kewangan. Menyelia dan merekod pembatalan cek bayaran dan baucer. Menyemak semua pungutan / hasil YPKT yang diterima melalui transaksi atas talian secara harian untuk memastikan semua dimasukkan ke akaun bank berkenaan. Menyediakan jurnal-jurnal pelarasan yang berkaitan. Membantu Akauntan menyediakan Penyata Kewangan YPKT. Menyemak laporan suku tahun Akaun Belum Terima. Menyediakan jawapan kepada soalan audit dan perkara-perkara berbangkit. Menyediakan penyata penyesuaian bank bagi semua akaun YPKT dan Desa Keluarga YPK. |

CARA MEMOHON

- | | |
|--|--|
| i) Guna Borang | Calon-calon yang berminat boleh memohon menggunakan Borang Permohonan Jawatan yang boleh dimuat turun melalui laman web Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu di alamat https://bit.ly/PenolongAkauntanW5 |
| ii) Nama jawatan hendaklah ditulis di :
bahagian atas sebelah kiri sampul surat dan dihantar kepada | PENGARAH
YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA
TERENGGANU,
JALAN SULTAN OMAR,
20300 KUALA TERENGGANU |
| iii) Tarikh Tutup Permohonan | 15 JANUARI 2026 |
| iv) Borang permohonan hendaklah :
disertakan dengan dokumen-dokumen berikut :- | <ul style="list-style-type: none"> i) Gambar berukuran pasport (warna) ; ii) Salinan sijil kelahiran dan kad pengenalan yang disahkan ; iii) Salinan sijil pelajaran yang disahkan ; iv) Salinan kad pengenalan bapa sekiranya pemohon lahir di luar Terengganu yang disahkan. |

Catatan:

- i) Hanya pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga.
- ii) Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi pejabat Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu di talian 09-6249355/57/58 Samb. 120

TARIKH : 1 JANUARI 2026
BERSAMAAN : 11 REJAB 1447H